

TARIKH	24 / 03 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	32	RUANGAN	Nasional

# Hotel ganti Madinatul Hujjaj

» Syor pusat transit dibina bagi kelesaan jemaah haji



✦ Gurun

**C**adangan pembinaan hotel bagi menggantikan bangunan Madinatul Hujjaj di Jeddah sebagai pusat transit jemaah haji Malaysia sebelum berangkat pulang ke tanah air akan memberi kelesaan kepada jemaah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata kemudahan di Madinatul Hujjaj kelolaan Tabung Haji (TH) itu kini berada pada tahap minimum, manakala tempoh sewaan hampir tamat.

“Kita fikir masanya sudah

“**Masanya sudah sampai bagi TH mencari kaedah lebih praktikal untuk menyelesaikan masalah”**

**Jamil Khir Baharom,**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

sampai bagi TH mencari kaedah lebih praktikal untuk menyelesaikan masalah untuk jangka masa panjang dan selama-lamanya.

## Bina bangunan baru

“Jadi elok kita bina bangunan baru untuk menempatkan jemaah haji,” katanya pada sidang media selepas merasmikan konvensyen Perkhidmatan Hal Ehwal Islam Zon Utara di Harvard Suasana Hotel, di sini, semalam.

Beliau berkata, TH dalam peringkat perbincangan dengan Kerajaan Arab Saudi dan pemilik tanah berhubung pembelian hartanah bagi membina hotel itu.

Jamil Khir berkata, bagi memastikan kelancaran pergerakan jemaah haji negara yang akan pulang ke tanah air, mereka ditempatkan di Madinatul Hujjaj dua hari lebih awal dari jadual penerbangan mereka.

Katanya, Madinatul Hujjaj

menyediakan tempat untuk lebih 1,000 jemaah pada satu masa dan pernah digunakan bagi menempatkan kira-kira 7,000 pelajar di Mesir yang terkandas dalam rusuhan negara itu pada 2011.

## Bincang isu

Dalam ucapannya, Jamil Khir, berkata konvensyen itu menjadi medan untuk pegawai agama yang berkhidmat di Bahagian Agama Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penjara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Institut Kemahiran Belia Negara dan Institut Latihan Pertanian membincangkan isu berkaitan bidang tugas mereka.

“Mereka adalah pegawai agama di bawah pentadbiran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan melalui konvensyen ini setiap perkara boleh diselesaikan bersama berdasarkan fatwa,” katanya.

BERNAMA